

20/10/2001

Jualan motosikal berkuasa tinggi dijangka meningkat

PENGURANGAN duti import motosikal berkuasa 800cc ke atas daripada 120 peratus kepada 60 peratus disambut baik beberapa syarikat pengimport motosikal berkuasa tinggi di negara ini.

Langkah itu menyemarakkan lagi industri itu yang agak lesu ketika ini berikutan pengumuman kenaikan import duti motosikal berkenaan pada pembentangan belanjawan beberapa tahun lalu.

Pengarah Operasi Kumpulan Naza, Zulkifli Amin, berkata penjualan motosikal berkuasa tinggi terjejas teruk akibat kenaikan duti import selain tidak mendapat sokongan pembiayaan pinjaman institusi kewangan tempatan.

"Walaupun pengurangan ini mungkin dapat meningkatkan sedikit jualan motosikal berkuasa tinggi tetapi sokongan institusi kewangan masih diperlukan bagi menjamin industri ini terus pulih daripada kemelesetan," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam.

Kumpulan syarikat Naza antara syarikat yang aktif dalam pengimportan kereta mewah dan motosikal berkuasa tinggi menerusi syarikatnya Naza Motor Trading Sdn Bhd dan Naza Bikers Dream Sdn Bhd.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Belanjawan 2002, semalam turut mengumumkan pengurangan duti import motosikal berkuasa antara 200cc hingga 800cc dikurangkan kepada 60 peratus daripada antara 80 hingga 100 peratus sekarang.

Zulkifli berkata, pengumuman itu juga berita baik kepada penggemar motosikal berkuasa besar yang ternanti-nanti pengurangan duti import yang dilihat agak membebaskan.

Ia turut memberi margin yang baik kepada syarikat dan persiapan industri ini menjelang pembukaan pasaran automotif berikutan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2005.

Ketua Eksekutif Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos), Nik Danial Nik Mahmood pula berpendapat, pengurangan cukai bagi motosikal import (CBU) tidak akan menjejaskan pasaran motosikal berkuasa rendah khususnya di bawah 200cc.

Beliau yang turut menyambut baik cadangan itu berkata, pasaran bagi motosikal berkuasa tinggi kecil berbanding motosikal berkuasa rendah yang kini menguasai 90 peratus pasaran tempatan.

"Motosikal berkuasa rendah masih menjadi pilihan kepada pembeli khususnya motosikal berharga kurang RM6,000 yang mampu dibeli golongan berpendapatan rendah," katanya sambil menambah hanya kira-kira 100 unit motosikal berkuasa tinggi atau berkuasa 200cc ke atas dijual daripada kira-kira 18,000 unit jualan keseluruhan motosikal sebulan di negara ini.

(END)